

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HKN 202 - Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI **ENAM** [6] SOALAN DI DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] soalan daripada Bahagian A dan **DUA** [2] daripada Bahagian B.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama

BAHAGIAN A

1. Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) benar-benar merupakan satu sumber terpenting bagi pengkajian sejarah Melaka ... Tidak ada buku atau manuskrip lain yang boleh menggambarkan masyarakat Melaka dengan cara yang lebih baik dan jelas selain dari Sejarah Melayu.

(Zainal Abidin Wahid)

Berlandaskan pandangan tersebut, kemukakan satu analisis yang kritis berhubung kedudukan Sulalatus Salatin sebagai dokumen sosio-budaya masyarakat Melayu. Bincangkan juga kedudukannya sebagai karya sastera.

2. Sulastin Sutrisno berpendapat bahawa plot Hikayat Hang Tuah menjadi lebih menarik kerana adanya beberapa motif yang berulang. Bincangkan pendapat beliau dengan menumpukan perhatian kepada motif mimpi, fitnah dan keris.
3. **SAMA ADA**

Bincangkan sejauhmanakah Hikayat Seri Rama dapat mencerminkan konsep *hukum karma* dan konsep *asrama-dharma* yang terdapat dalam kepercayaan masyarakat Hindu.

ATAU

Walaupun Hikayat Panji Semirang tergolong dalam cerita panji Melayu, namun dalam teks tersebut kaya dengan unsur kejawen. Bincangkan.

BAHAGIAN B

4. Apakah yang anda fahami dengan konsep hakikat diri? Terangkan dengan jelas perwatakan Sultan Mahmud Syah dalam Sulalatus Salatin dan perwatakan Sultan Ahmad Permudal Parumal dalam Hikayat Raja Pasai dalam konteks hakikat diri dengan menekankan kepada unsur kejiwaan.
5. Kemukakan pandangan anda secara kritis, sejauhmanakah Hang Tuah dalam Hikayat Hang Tuah boleh diterima sebagai wira bangsa Melayu, dan Seri Rama dalam Hikayat Seri Rama sebagai wira kaum Aryan.
6. Pengarang-pengarang Sulalatus Salatin dan Hikayat Hang Tuah ternyata memusatkan persoalan mereka kepada Melaka, namun dari segi sikap, pengarang Hikayat Hang Tuah adalah berjiwa Melayu Jati. Bincangkan.